

# Maharani Freeport lonjak negara sebagai hab tenaga Asia Tenggara

Projek pelabuhan laut dalam tingkat daya saing logistik, perkukuh daya tahan rantai bekalan

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Muar:** Pembukaan Maharani Freeport di Tanjung Emas di sini, semalam, dianggap detik penting dalam naratif Malaysia sebagai sebuah negara maritim moden yang bersedia mengukuh kedudukan dalam ekonomi serantau dan global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pembangunan Maharani Freeport bakal membentuk semula landskap ekonomi Johor, termasuk Melaka serta negeri berhampiran, sekali gus mengangkat Malaysia sebagai hab tenaga, logistik dan pelabuhan strategik di Asia Tenggara.

Beliau berkata, sejarah maritim negara, khususnya warisan Kesultanan Melaka dalam perdagangan rempah dan pelayaran, menjadi asas kepada hala tuju baharu ini yang menekankan



Orang ramai melihat replika projek Maharam Freeport pada Majlis Pelancaran Maharani Freeport di MEG Complex Tanjung Emas, Muar, semalam. (Foto Najmi Nor'Azam/BH)

identiti bangsa pelaut dan kemampuan Malaysia bersaing di pentas antarabangsa.

"Walaupun dunia terus berdepan cabaran ekonomi global, asas ekonomi Malaysia kekal kukuh. Kita mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara empat hingga 4.5 peratus pada tahun hadapan, manakala data suku ketiga menunjukkan pertumbuhan 5.2 peratus, melebihi unjuran asas 4.8 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Maharani Freeport yang disempurnakan oleh Yang di-Per-

tuan Agong, Sultan Ibrahim di Tanjung Emas, di sini.

## Buka lembaran baharu

Maharani Freeport yang diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai tenaga pertama di Malaysia," membuka lembaran baharu dalam pembangunan hab tenaga dan perkhidmatan maritim negara.

Dibangunkan oleh MEG, projek pelabuhan laut dalam itu adalah inisiatif sektor swasta sepenuhnya yang mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan serta kerajaan Johor.

Diiktiraf sebagai projek nasio-

nal, Maharani Freeport diyakini menjadi pemangkin utama aspirasi perdagangan, tenaga dan ekonomi jangka panjang Malaysia.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata Maharani Freeport akan berfungsi sebagai nod utama dalam rangkaian logistik antarabangsa melalui Selat Melaka, sekali gus meningkatkan daya saing logistik, mengurangkan kos pengangkutan dan memperkukuh daya tahan rantai bekalan.

Katanya, dengan kerjasama erat kerajaan negeri dan Persekutuan, projek terbabit akan me-

nempatkan Malaysia sebagai sebahagian penting dalam arkitektur ekonomi baharu Asia Pasifik.

Beliau turut mengumumkan rangka insentif cukai komprehensif bagi menggalakkan pelaburan berimpak tinggi di Muar dan Melaka.

"Insentif melalui Kementerian Kewangan itu merangkumi pemaju induk, pengendali pusat tenaga bersepadu, operasi pelabuhan dalam serta pelbagai perkhidmatan perniagaan.

"Ia turut merangkumi galakan untuk projek pusat data, teknologi hijau, infrastruktur utiliti, hospitaliti dan pelancongan perubatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, manfaat kepada rakyat menjadi keutamaan, termasuk penyediaan sekurang-kurangnya 45,000 peluang pekerjaan baharu serta pembukaan ruang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terbabit dalam rantaian perniagaan global.

Beliau menzahirkan penghargaan kepada pemaju yang berjaya menangani isu nelayan serta memastikan suara komuniti setempat tidak diketepikan dalam proses pembangunan.

"Walaupun kita menyokong projek mega, kita tidak akan mengabaikan PKS yang menjadi tulang belakang ekonomi negara," katanya.